

Headline	Junaidi cadang subjek alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Feb 2017	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 730
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,189



Junaidi cadang subjek alam sekitar

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bercadang memperkenalkan subjek pengajian alam sekitar di sekolah, kata menterinya Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata kementerian itu akan mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pendidikan mengenai cadangan tersebut agar generasi muda lebih peka mengenai alam sekitar dan pencemaran.

"Kementerian serius dalam menangani pencemaran alam sekitar dan satu daripada cara yang sangat berkesan ialah menerusi pendidikan awal di sekolah," katanya pada sidang media selepas merasmikan **Simposium Inovasi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar 2017**, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Wan Junaidi menyaksikan pemeteraian tiga Memorandum Persefahaman antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan tiga syarikat.

Tiga syarikat itu ialah Buminiche Trading Sdn Bhd (jalinan kerjasama penyelidikan dalam bidang pembangunan buluh untuk pembinaan), Kanger International Bhd dan Transwater Tenaga Sdn Bhd (jalinan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan Gaharu).

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata kementerian akan menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Selangor bagi mencari penyelesaian dalam meningkatkan kualiti air Sungai Gombak dan Klang menjadi tahap Kelas Satu (Tahap Terbaik).

"Buat masa ini tahap kualiti air sungai terbabit masih di kelas kedua. Pencemaran sungai ini banyak berpunca daripada tindakan atau budaya masyarakat sendiri yang membuang sampah ke sungai tersebut.

"Tahap kesedaran masyarakat mengenai pemeliharaan alam sekitar terutamanya sungai masih rendah," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam akaun Facebooknya semalam yang meluahkan kebimbangannya mengenai pencemaran tidak terkawal.

Perdana Menteri berkata pencemaran tidak terkawal telah membawa kesan kepada sungai kita dan pembangunan

juga telah mengurangkan daya tarikan kawasan persekitaran ini, sehinggakan ada laporan bahawa tidak sesuai berjalan di sepanjang tebing sungai.

Justeru, Wan Junaidi berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan pihak

Indah Water Konsortium Sdn Bhd apakah kaedah yang terbaik untuk membersihkan sungai, antaranya termasuk penggunaan peralatan teknologi baharu.

Selain itu, kementerian juga bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyelesaikan membersihkan sungai di seluruh negara, katanya. - Bernama



Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar